

Peluang cerah tawan Kedah - Dr. M

Utusan Online

21 April, 2013

JERLUN 20 April - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, peluang Barisan Nasional (BN) untuk menawan semula Kedah daripada pakatan pembangkang amat cerah pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Beliau berkata, ini kerana sokongan rakyat terhadap BN di negeri ini sudah kembali kuat seperti dahulu dan diharap ia akan diterjemahkan dalam bentuk undi pada 5 Mei ini.

"Saya dapati hari ini ramai penyokong datang, cukup bersemangat macam BN dulu-dulu.

"Ini bermakna waktu mengundi nanti kehadiran pengundi untuk Kedah nampak baik, peluang amat cerah," katanya ketika ditemui pemberita di pusat penamaan calon kawasan Parlimen Jerlun di Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu, dekat sini hari ini.

Beliau dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali hadir memberi sokongan kepada anak mereka, Datuk Mukhriz yang bertanding sebagai calon BN bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Hitam.

Mengenai Mukhriz yang kali ini bertanding kerusi DUN selepas bertanding kerusi Parlimen Jerlun pada PRU-12, Dr. Mahathir berkata, peluang untuk anak beliau menang cerah tetapi penentuan itu diserahkan kepada pengundi.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir menyeru penyokong-penyokong BN menyokong sesiapa sahaja yang dicalonkan sebagai calon parti berkenaan dan mengetepikan soal kepentingan individu.

Beliau turut menasihatkan individu yang tidak tercalon supaya tidak melakukan sesuatu yang tidak disukai orang lain sebaliknya, membantu memenangkan calon yang dipilih parti.

"Saya kempen untuk semua, akan tolong kalau bermusuh pun, akan kempen bagi dia... saya utamakan parti, bukan individu, kalau individu tak boleh jadi kerajaan pun," katanya.

Ditanya mengenai kempennya, beliau berkata: "Saya akan pergi ke mana sahaja yang dijemput, saya juga akan pergi ke negeri-negeri lain."

Ditanya mengenai DAP, Dr. Mahathir menyindir dengan berkata, tidak mengapa jika calon DAP tidak mahu menggunakan simbol parti itu dan memakai logo Pas kerana mungkin DAP mahu mengambil alih Pas.

Dengan berseloroh, beliau berkata, jika DAP berbuat demikian maka jawatan Mursyidul Am Pas perlu diberikan kepada Pengerusi DAP, Karpal Singh.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130421/px_21/Peluang-cerah-tawan-Kedah---Dr-M#ixzz2Zu9yVKMQ

© Utusan Melayu (M) Bhd